

25/03/1999

Pemenang minta jasa baik PM

GEORGETOWN, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diminta membantu usaha menebus semula hak masyarakat Melayu ke atas tanah seluas 2.8 hektar di sini, yang kini menjadi milik syarikat bukan Bumiputera tempatan.

Perkara itu dinyatakan Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang) menerusi memorandum yang dikemukakan kepada Dr Mahathir bertarikh 21 Januari 1999.

Presiden Pemenang, Datuk Mohd Yussof Latiff, berkata campur tangan Perdana Menteri itu perlu supaya usaha untuk mencapai matlamat asal bagi menyelesaikan masalah Melayu bandar yang terpinggir dihidupkan semula.

Tanah itu di Persiaran Perak, di sini, sebelum ini dibeli sebuah syarikat milik Bumiputera dengan harga RM11 juta pada 1982 bertujuan melaksanakan projek pembangunan moden dan tersusun untuk masyarakat Melayu bandar di negeri ini.

Bagaimanapun, pada 1992 tanah itu dibeli sebuah syarikat bukan Bumiputera pada harga RM14.5 juta selepas mahkamah mengeluarkan perintah supaya diadakan lelongan awam berikutan kegagalan syarikat Bumiputera itu menjelaskan pinjaman wang kira-kira RM9 juta yang meningkat kepada RM25 juta.

"Usaha perlu digiatkan semula untuk merealisasikan matlamat syarikat Bumiputera itu ketika membeli tanah berkenaan. Walaupun tanah itu terlepas ke tangan bukan Bumiputera, masih ada cara yang boleh dilaksanakan untuk mendapatkan semula hak masyarakat Melayu," katanya di sini, hari ini.

Menurutnya, adalah merugikan kerana cadangan asal untuk menjalankan projek pembinaan rumah pangsa membabitkan 1,656 unit berharga antara RM45,000 dan RM85,000 di tapak itu telah diluluskan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 1987.

"Pertelingkahan di peringkat pentadbiran syarikat Bumiputera itu dan kesukaran mendapatkan pinjaman kewangan untuk pembangunan adalah faktor utama yang menggagalkan projek ini."

"Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang memiliki 30 peratus ekuiti dalam syarikat Bumiputera itu, sepatutnya mempertahankan hak masyarakat Melayu, tetapi gagal menunaikan tanggungjawabnya," katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin melalui perancangan semula yang sistematik dan berkesan, projek itu mampu memberi manfaat kepada 500 keluarga Melayu yang tinggal di tanah wakaf Kampung Makam dan Kampung Dodol serta penduduk di kawasan Kebun Lama, Jalan P Ramlee, Jalan Sungai Pinang, Jalan Patani dan Jelutong yang sering menghadapi banjir.

Katanya, mengikut anggaran, projek itu boleh membawa keuntungan kira-kira RM59 juta yang dapat digunakan untuk membangunkan tanah wakaf di Kampung Makam dan Kampung Dodol secara berperingkat.

Menurutnya, Pemenang turut menggariskan beberapa cadangan bagi merealisasikan projek itu seperti berbincang dengan syarikat bukan Bumiputera berkenaan untuk membeli semula tanah itu dengan membayar faedah tahunan pada kadar peratusan yang berpatutan.

Selain itu, menubuhkan syarikat amanah milik penuh Bumiputera untuk menjalankan pembangunan di tanah berkenaan dan mendapatkan peruntukan kewangan dari Kerajaan Pusat sebagai pinjaman untuk pembelian tanah itu, manakala kos pembangunannya diuruskan kumpulan atau konsortium bank dan institusi kewangan tempatan.

(END)